



Headline: Fahami taktik Macau Scam elak jadi mangsa  
Publication/Portal: Berita Harian  
Date: 2 December 2019

Language: Malay  
Section: Nasional  
Page: 50

# Fahami taktik Macau Scam elak jadi mangsa

**Apabila** seorang ketua polis daerah cuba diperdayakan sindiket penipuan menerusi panggilan telefon atau Macau Scam baru-baru ini, jelas sekali sindiket mengenakan mangsa tidak kira siapa.

Pertama sekali perlu kita ingat sindiket ini menghubungi mangsa secara rawak. Kita terus dihubungi dan kemudian mereka menyambung pula kepada nombor tertentu untuk bercakap dengan 'pegawainya'.

Jika kita layan, mulalah 'pegawai' itu meminta nama dan alamat yang kononnya untuk membuat pengesahan.

Saya sendiri pernah beberapa kali dihubungi sindiket ini. Ada yang mengaku dari mahkamah dan sebagainya.

Bagi yang perasan, setiap kali panggilan yang diterima, nama dan butir peribadi yang dimintanya. Ini menunjukkan si pemanggil tidak tahu siapakah kita.

Daripada pengamatan saya dan kes yang dilaporkan, jelas sindiket ini sangat licik sehingga mangsa mudah terpedaya.

Contohnya, apabila kita sambung talian dikehendaki, kita mendengar kesibukan atau suasana 'pejabat' seolah-olah memang panggilan itu daripada jabatan tertentu. Malah, sindiket ini bijak menakut-nakutkan mangsa untuk memudahkan mereka menipu.

Tidak menghairankan, pelbagai kaedah dilakukan untuk mengabui mata. Sekali jalan tidak menjadi, jalan lain pula dicarinya. Ada sindiket yang mengetahui nama kita, bagaimanapun maklumatnya tidak lengkap.

Seorang pegawai bank yang saya hubungi ketika hampir terperangkap dengan sindiket ini



*Antara barang rampasan babit sindiket Macau Scam di Selangor.*

(Foto hiasan)

suatu ketika dahulu, memberitahu kadang-kadang nama dan butiran peribadi kita diketahui menerusi maklumat yang diisi di stesen minyak, pasar raya dan sebagainya ketika menyertai apa-apa peraduan dan untuk tujuan tertentu.

Jadi, kita mesti beringat dengan apa-apa maklumat yang kita beri kepada pelbagai pihak. Ini termasuk kertas yang ditandatangani ketika menerima penghantaran pos laju dan sebagainya. Jika senarai nama itu dibuang dalam tong sampah, tidak mustahil ia jatuh ke tangan orang

yang tidak bertanggungjawab. Dari situlah maklumat awal peribadi diketahui.

Dalam soal ini, pihak berkuasa sering menasihati agar sentiasa berwaspada dalam menangani pihak yang mencari 'untung atas angin'.

Jangan mudah terpedaya dengan 'kesalahan' yang dituding kepada kita sehingga pantas memberi maklumat peribadi dengan mudah kepada pihak tidak bertanggungjawab ini.

Jika kita dengan mudah berbuat demikian, bermakna sindiket ini berjaya mengaut keun-

tungan dengan mudah dan kita menanggung kerugian dalam sekelip mata.

Paling penting, kita mesti memikirkan terlebih dahulu setiap panggilan diajukan kepada kita, apatah lagi 'kesalahan' yang dituding kepada kita, terutama yang meragukan.

Paling mudah, putuskan sahaja panggilan. Jika kita memang melakukan kesalahan, orang akan cari kita dengan kaedah jelas.

**M Jasni Majed,**  
Kapar, Selangor